

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**BPT 381/3 - Kaedah Patologi Tumbuhan**

**Masa : [3 jam]**

---

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai **20** markah.

---

(BPT 381/3)

1. Huraikan secara terperinci kaedah-kaedah pensterilan yang boleh digunakan untuk:-
- a) medium cecair yang peka terhadap haba
  - b) bahan pepejal yang peka terhadap haba

(20 Markah)

2. Tumbuhan anda telah dijangkiti oleh sejenis patogen yang mengeluarkan peritesium pada batangnya manakala daunnya telah menunjukkan simptom mozek. Apakah kemungkinan penyebab yang terlibat dalam tumbuhan berpenyakit tersebut? Bagaimanakah anda boleh memencilkan patogen-patogen terlibat sehingga bentuk tulen daripada tisu-tisu perumah yang berkenaan.

(20 Markah)

3. a) Apakah tujuan pemencilan sel/spora tunggal?  
Huraikan secara terperinci satu kaedah untuk memencilkan sel/spora tunggal.

(10 Markah)

- b) Huraikan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk membebaskan kultur kulat yang tercemar oleh bakteria.

(10 Markah)

4. Bincangkan satu kaedah pengawetan kulat dengan menggunakan prinsip:-

- a) pertumbuhan secara terus-menerus
- b) kedormanan teraruh

Berikan kelebihan dan kekurangan jika ada untuk kaedah berkenaan.

(20 Markah)

(BPT 381/3)

5. a) Huraikan kemudahan dan jenis rumah tumbuhan yang sesuai untuk menjalankan eksperimen di kawasan tropika.

(10 Markah)

- b) Dalam percubaan lapangan, terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi keputusan eksperimen. Bincangkan.

(10 Markah)

6. Tuliskan nota ringkas tentang empat daripada tajuk berikut:-

- a) Pensterilan tanah
- b) Hidroponik
- c) Penilaian penyakit tumbuhan
- d) Jurnal penyelidikan berkaitan dengan Patologi Tumbuhan
- e) Medium semulajadi dan sintetik

(20 Markah)

-ooo0ooo-